

# Pelaksanaan RMK-9: Beri perhatian 3 perkara penting

Oleh ROZAMAN ISMAIL

**PUTRAJAYA** 5 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu tiga perkara penting berkaitan dengan pemantauan, penyenggaraan dan manfaat kepada rakyat diberi perhatian semasa pelaksanaan semua projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Perdana Menteri berkata, pemantauan ke atas sesuatu projek perlu dilaksanakan bagi memastikan ia tidak menjadi satu projek bermasalah, lambat disiapkan seterusnya tergendala atau terbengkalai.

"Saya rasa kita masih lemah dalam tiga perkara tersebut secara menyeluruh. Pada pengalaman saya, projek terbengkalai berlaku kerana ia tidak dipantau oleh pihak terlibat, dibiarkan projek itu dilaksanakan dengan harapan ia berjalan dengan baik dan apabila siap nanti boleh diambil alih oleh kerajaan.

"Kalau ada pelari pemantauan, kita akan dapat kenal pasti dengan lebih awal lagi kenapa projek itu lambat.

"Jika pada waktu itu ada sesuatu yang memerlukan tindakan kerajaan untuk mengatasi halangan yang dihadapi maka kita boleh ambil tindakan dengan segera," katanya

ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Turut hadir dua Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Dr. Abdullah Md. Zain.

Menurut Abdullah lagi, pemantauan juga akan membolehkan kerajaan mengenal pasti segala masalah yang berlaku antaranya kelewatan pembayaran ikut kerja (*progress payment*) kepada kontraktor terlibat kerana ia boleh menjadi punca yang melewatkan pelaksanaan sesebuah projek.

"Kadangkala ada kontraktor kecil yang mengeluh sebab bayaran tidak dibayar pada masa bil dikemukakan, sehingga mereka tidak mampu melaksanakannya dengan cepat kerana halangan kewangan yang ada.

"Kelewatan kita membuat pembayaran juga akan menyebabkan mereka tidak dapat membeli barang yang diperlukan atau menjelaskan pembayaran bagi barang yang diambil mengikut kredit.

Kata beliau, sekiranya tidak diatasi kerajaan atau agensinya seperti Jabatan Kerja Raya atau pihak berkuasa tempatan akan dituduh sebagai punca kepada masalah ini.

Pada masa yang sama, kata Abdullah, sekiranya kelewatan itu berpunca daripada kelemahan pihak kontraktor, kerajaan boleh menegur serta-merta termasuk

**Kalau ada pelan pemantauan, kita akan dapat kenal pasti dengan lebih awal lagi kenapa sesuatu projek ity lambat**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

memberi amaran yang wajar bagi memastikan ia dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Perdana Menteri juga berkata, semua projek pembangunan juga mesti mempunyai impak yang dapat memenuhi hasrat dari memberi faedah kepada rakyat.

Sebagai contoh, kata beliau, projek pembinaan dewan orang ramai yang dilaksanakan di merata tempat atas permintaan rakyat hendaklah digunakan dengan sebaiknya.

"Seperti dewan yang kita bina, kalau dewan tu dah siap, adakah ia digunakan sepenuhnya, dibiarkan atau ditinggalkan atau tak digunakan. Kalau itu jadinya, ia bermakna segala desakan dan permintaan untuk (membina dewan) peringkat awal ini sebenarnya tak betul," katanya.

Menurutnya, keperluan untuk mendapatkan kemudahan sedemikian mungkin ada tetapi mereka yang menganjurkan pelbagai rancangan dan program untuk kawasan itu tidak pernah menggunakan dewan

berkenaan mungkin kerana dewan itu tidak dapat memenuhi kehendak dan keperluan mereka atau kemudahannya tidak sempurna atau rosak.

Menurut Abdullah, beliau sendiri melalui pengalaman menggunakan dewan yang ada kemudahan tetapi rosak atau tidak berkeadaan baik seperti bekalan air tidak ada, pam tandas rosak sehingga keadaannya menjadi busuk dan kotor.

"Boleh dikatakan lapan daripada 10 dewan orang ramai berkeadaan sedemikian. Cuba bayangkan orang ramai berkali-kali menggunakan tandas yang tidak ada bekalan air.

"Ini berpunca daripada pengawasan atau penyenggaraan kita kurang. Sesetengah daripada kita juga tidak gunakan dengan baik sehingga cepat rosak," katanya.

Jika keadaan seperti itu berlaku, kata beliau, ia menyebabkan berlaku pembaziran wang rakyat kerana walaupun kemudahan ada tetapi rakyat tidak dapat menerima faedah yang diharapkan.

**SIMFONI...** Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi menyaksikan Konsert Malam Simfoni Irama Malaysia di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Turut hadir Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin; Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan dua bekas Menteri Penerangan, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir serta Tan Sri Mohamed Rahmat.

Konsert yang disiarkan secara langsung oleh RTM itu antara lain bertujuan untuk menghargai, mengenang dan menghayati jasa tokoh-tokoh yang banyak menyumbang bagi melahirkan muzik Malaysia yang tinggi hilainya.

Persembahan itu antara lain menampilkan artis-artis seperti Ahmad Fauzee, Ilnor Riza, Herman Tino, Jay Jay dan Judliza Adzlan.

• **ABDULLAH** Ahmad Badawi bersama (dari kiri) Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Zainuddin Maidin dan Rais Yatim semasa menghadiri Malam Simfoni Irama Malaysia di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur, malam tadi.

- **Gambar ASWAD YAHYA**

